

Pertama kali berlaku dalam sejarah negara

Pelantikan Tun M sebagai Perdana Menteri Interim tiada dalam peruntukan Perlembagaan

SHAH ALAM

Pelantikan Perdana Menteri Interim adalah yang pertama kali berlaku dalam sejarah negara dan tidak terdapat dalam peruntukan Perlembagaan.

Pakar Undang-Undang, Profesor Datuk Salleh Buang berkata, mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan negara mesti mempunyai seorang ketua kerajaan iaitu Perdana Menteri.

Jelasnya, disebabkan itulah Perdana Menteri Interim perlu dilantik bagi membolehkan kerajaan dapat berfungsi sementara Perdana Menteri dan Kabinet baharu

dibentuk.

“Dari segi bahasa undang-undang, interim bermaksud sementara, dari segi Bahasa Melayu ia bererti tidak rasmi tetapi kalau mengikut Perlembagaan memang (Perdana Menteri Interim) tidak ada.

“Jika hendak cakap sebagai *caretaker* (kerajaan sementara) perkara ini berlainan kerana ia bermaksud kerajaan sudah habis tempoh satu penggal. Ini sangat menarik kerana pertama kali berlaku dalam negara,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai jawatan Perdana Menteri Interim yang digalas Tun Dr Mahathir Mohamad mulai semalam.

Semalam, Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan menerima pele-



SALLEH

takan jawatan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali bagaimanapun berkata, baginda berkenan melantik Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri Interim sementara menunggu pelantikan Perdana Menteri baharu selaras dengan Perkara 43 (2) (a) Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, selaku Perdana Menteri sementara, beliau akan menguruskan pentadbiran negara sehingga Perdana Menteri dan ahli Kabinet baharu dibentuk.

Salleh ketika mengulas berhubung perkara berkenaan berkata, terdapat kemungkinan langkah itu bertujuan bagi memberi masa kepada Dr Mahathir untuk mencari calon yang sesuai bagi menggantikan beliau.